



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 43 / 2022**

**MEMAKMURKAN MASJID**

**2 Rabiul Akhir 1444H**

*Bersamaan*

**28 Oktober 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنَّ هَدَانَا اللَّهُ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Sidang Jumaat yang dihormati,**

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah dengan mentaati segala perintah dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh kejayaan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

Kita patut bersyukur kerana dapat menunaikan ibadat dengan tenteram dan aman tanpa apa-apa gangguan di masjid yang indah ini. Untuk itu, Khatib mengajak sidang Jumaat semua untuk menghayati khutbah pada hari ini:

### **MEMAKMURKAN MASJID**

Sebelum itu, suka Khatib memperingatkan bahawa, mendengar khutbah adalah sebahagian kesempurnaan solat Jumaat itu sendiri. Oleh itu, sila beri tumpuan sebaik mungkin kepada khutbah yang disampaikan. Jangan leka dengan perkara lain, termasuklah bermain dengan handphone atau seumpamanya. Tergamak kah kita melanggar pesanan Nabi SAW, apatah lagi dalam rumah Allah yang mulia ini?

## **Sidang jumaat yang berbahagia,**

Masjid merupakan tempat suci umat Islam dan lambang syiar Islam. Hakikat ini digambarkan oleh tindakan Rasulullah SAW yang mendirikan masjid pertama “Masjid Quba” dalam peristiwa hijrah, sebagai langkah pertama dalam penyebaran Islam dan membangunkan masyarakat di Madinah.

Dr Ahmad Shalabi menyatakan bahawa:

Di masjid, Rasulullah SAW menjelaskan wahyu yang diterimanya dari Allah Subhanahu Wataala, menjawab segala pertanyaan para Sahabat, memberi fatwa, mengajar agama, mengadakan mesyuarat dan bersilaturahmi sesama muslim.

Di masjid itulah juga Rasulullah SAW menyusun strategi peperangan, menyelesaikan sebarang perselisihan di kalangan anggota masyarakatnya dan juga sebagai tempat menerima perutusan-perutusan yang datang dari luar.

Dari masjid juga, Rasulullah SAW melatih sendiri para Sahabat melalui pendidikan secara khusus hingga lahir keperibadian muslim sejati dan terbilang. Baginda membentuk para Sahabatnya menjadi pewaris perjuangan Islam dan berjaya meneruskan dakwah islamiyyah ke segenap penjuru alam.

Tidak hairanlah ahli sejarah Islam menyebut generasi Rasulullah SAW dan generasi para Sahabat selepasnya itu sebagai “generasi masjid”.

Profesor Dr Muhammad Sa’id Ramadhan Al-Bouti pula pernah berkata : “Tidak hairanlah, jika masjid merupakan tonggak utama dan terpenting yang menjadi asas pembentukan sebuah masyarakat Islam yang unggul, kerana masyarakat Islam tidak akan terbentuk secara kukuh dan rapi, kecuali dengan kesungguhan mereka terhadap ajaran Islam.”

## Ikhwani Al-Muslimin,

Islam menganjurkan umatnya supaya memakmurkan masjid. Ia merupakan tanda keimanan seseorang dan amanah Allah Subhanahu Wataala ke atas diri setiap muslim. Jelas sepertimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam surah At-Taubah, ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسْجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ  
وَأَتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ

الْمُهْتَدِينَ ۝ ١٨

**Maksudnya:** Hanya sanya, yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari Akhirat, serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut), maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

## Sidang Jumaat sekalian,

Oleh yang demikian, masjid hendaklah digerakkan melalui pelbagai aktiviti lapangan hidup, antaranya :

**Pertama:** Masjid sebagai pusat ibadat, baik ibadat khusus mahupun ibadat umum. Ibadat khusus ialah ibadat secara langsung kepada Allah seperti solat lima waktu, membaca al-Quran, l'tikaf dan lain-lain. Manakala ibadat umum pula ialah ibadat yang ada hubungan dengan masyarakat sekelilingnya, bagi menjalinkan "Ukhuwwah Islamiyyat" seperti sambutan Maal Hijrah, Maulidur Rasul dan lain-lain.

**Kedua:** Menetapkan masjid sebagai pusat pembangunan ilmu dan intelektual, sumber ilmu dan maklumat, seperti mengadakan kelas-kelas pengajian agama, komputer, kursus perkahwinan dan keibu bapaan, kursus motivasi dan lain-lain. Melalui program-program ini akan dapat memberi kefahaman dan penghayatan kepada masyarakat, selain daripada melahirkan golongan yang cintakan ilmu.

**Ketiga:** Masjid sebagai pemupuk budaya kemasyarakatan seperti bermesyuarat, majlis berkhatan, walimatul urus, pusat jagaan anak-anak, pusat khidmat nasihat, klinik dan lain-lain. Natiyahnya, ia dapat melahirkan masyarakat bersatupadu, bekerjasama, dan saling bantu-membantu.

**Keempat:** Masjid sebagai penggalak sumber ekonomi seperti mengadakan ceramah/forum usahawan, pertanian, aktiviti memajukan harta milik masjid, mewujudkan kaunter pungutan zakat dan lain-lain. Dengan ini adalah diharapkan dapat meningkatkan harta modal masjid dan ekonomi umat islam setempat.

**Kelima:** Masjid sebagai pemupuk seni seperti kelas latihan tilawah al-Quran, berzanji, nasyid, seni khat, taman rekreasi dan lain2.

**Keenam:** Masjid sebagai pembentuk kematangan minda seperti mengadakan forum oleh tokoh-tokoh ilmuwan, seminar, kursus, latihan, pertandingan syarahan, khutbah dan lain-lain.

## Sidang jumaat yang dimuliakan,

Dari keterangan dan penjelasan tadi, jelas bahawa fungsi masjid amat luas. Ia menyentuh setiap sendi kehidupan umat Islam. Bukan sekadar tempat memperteguhkan keimanan, malahan sebagai tempat menggilap kecemerlangan umat Islam.

Kerana itu, marilah kita sama-sama tingkatkan keazaman untuk memakmurkan rumah-rumah Allah dengan menghadiri sembahyang berjemaah, mengikuti kuliah-kuliah pengajaran dan segala aktiviti yang tersedia disusun atur oleh pihak masjid. Janganlah dijadikan kesibukan urusan harian sebagai penghalang untuk mengejar keuntungan saham akhirat.

Dalam menyahut seruan ini, seharusnya kita mengajak anak isteri kita, jiran, sahabat dan rakan taulan agar mereka turut serta bersama menghayati dan mengimarahkan masjid. Mudah-mudahan kita semua digolongkan oleh Allah sebagai hamba-hamba yang terikat hati dan sentiasa merindui dengan rumah-rumah Allah. Ingatlah, salah satu daripada golongan yang bakal mendapat perlindungan Ilahi pada hari kiamat kelak ialah golongan mukmin yang hatinya sentiasa teringat dan rindukan kepada masjid.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا ﴿١٨﴾

**Maksudnya :** Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata, maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah”

(Surah al-Jinn ayat : 18)

بَارِكْ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.  
وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ  
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ  
مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir segala urusan. Dengan rahmat-Mu, kami memohon pertolongan.

Perbaikilah segala urusan kami, dan janganlah Engkau biarkan kami bersendirian tanpa jagaanMu. Kami mohon berlindung denganMu daripada kehilangan nikmat dan pemeliharaanMu. Kami juga berlindung denganMu daripada musibah azab dan segala kemurkaanMu.

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami, keluarga kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami rasa dengki terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! sesungguhnya Engkau Maha Belas Kasih Lagi Maha Mengasihani.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمَكُمُ اللَّهُ.